

Headline	Orang Melayu malu jalani ujian HIV		
MediaTitle	Kosmo		
Date	28 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	3	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	126 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,096
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,288



Orang Melayu malu jalani ujian HIV

KUALA LUMPUR - Perasaan malu di kalangan orang Melayu untuk tampil menjalani ujian atau mendapatkan rawatan sewajarnya merupakan penyumbang kepada penularan HIV dan AIDS di kalangan mereka.

Menurut Presiden Majlis AIDS Malaysia (MAM), Tan Sri Mohd. Zaman Khan (**gambar**), persepsi negatif yang keterlaluan di samping stigma dan diskriminasi masyarakat yang terlalu menebal secara langsung juga menyumbang kepada penularan epidemik itu.

Katanya, menurut statistik, sehingga kini kira-kira 66,000 orang Melayu menghidap HIV diikuti Cina 13,000 dan India sebanyak 7,300.



“Statistik ini turut menunjukkan bahawa tujuh daripada 10 kes HIV di negara ini berlaku di kalangan orang Melayu yang beragama Islam.

“Situasi ini telah menimbulkan keresahan di kalangan banyak pihak kerana orang Melayu yang tebal mengamalkan gaya hidup berlandaskan ajaran Islam terjebak dengan epidemik atau penyakit moral ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Untuk rekod, sejak 1986 sehingga Disember 2010, epidemik HIV telah menular kepada 91,632 orang dan telah meragut nyawa 12,403 orang.

Katanya, MAM turut bekerjasama

dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia serta agensi lain membina dan membuka rumah perlindungan bagi penghidap HIV yang tidak mampu menampung kehidupan mereka selain dibuang keluarga.

“Rumah perlindungan pertama dikenali sebagai Istana Budi telah dibina di Kuang, Rawang oleh Majlis Agama Islam Selangor yang dapat menampung seramai 50 penghuni HIV dalam satu masa.

“Seterusnya, sebuah rumah lagi yang menelan belanja sebanyak RM15 juta sedang dalam pembinaan dan akan mula beroperasi pada 2012,” jelasnya.

Rumah perlindungan tersebut, katanya, dilengkapi kemudahan rawatan dan penjagaan berkualiti, khidmat kaunseling dan penyeliaan rawatan susulan di hospital.